

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Pusat Sukan
Sent: 07 April 2016 13:28
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Prof. Dr. Mohd Sofian Bin Omar Fauzee
Subject: UUM Raih 2 Pingat Emas, 2 Perak Dan 3 Gangsa



07 APRIL 2016 / 29 JAMADILAKHIR 1437H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

**UUM RAIH 2 PINGAT EMAS, 2 PERAK DAN 3 GANGSA DI KEJOHANAN PENCAK SILAT
UPSI DAN JEMPUTAN ANTARABANGSA KALI KE-7, 2016 (PIALA MENTERI BESAR
PERAK)**



PSUKAN ONLINE : Pesilat-pesilat Universiti Utara Malaysia (UUM) berjaya meraih dua pingat emas, dua perak dan tiga gangsa dalam acara-acara yang dipertandingkan baru-baru ini bertempat di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dalam Kejohanan Pencak Silat UPSI dan Jemputan Antarabangsa Kali Ke-7, 2016 (Piala Menteri Besar Perak).

Emas pertama UUM ini telah disumbangkan menerusi Natasha Adilah Binti Mohamed dalam acara silat seni jurus tunggal puteri setelah beliau mengutip markah tertinggi daripada 11 Universiti yang mengambil bahagian dalam acara ini iaitu 455 markah mendahului pesilat dari tuan rumah UPSI ditempat kedua Wan Nur Syarafina Wan Ab. Halim dengan 446 markah.

Aksi Natasha Adilah yang penuh berkeyakinan dengan ketangkasan persilatannya nyata telah memukau perhatian juri dan penonton serta mendapat tepukan gemuruh ketika melakukan persembahan.

Seterusnya pingat emas kedua menerusi Asraff Azhar dalam silat olahraga putera kelas H (80-85) setelah menewaskan pesilat dari Kolej Poly-Tech MARA (KPTM) Batu Pahat dengan kemenangan 5-0 di peringkat akhir.

Dalam pada itu, dua pingat perak pula menerusi silat seni jurus tunggal putra Muhd Khairul Faizi Abd Rahim dan silat seni ganda putri gandingan Siti Norzaleha Abdullah dan Nur Syahirah Hashim.

Tiga pingat gangsa pula disumbangkan oleh Mohd Faiz Mohd Zuki dalam kategori silat olahraga putera kelas A (45-50) seterusnya menerusi Fatin Nadiyah Hamidun dalam kategori silat olahraga puteri kelas A (45-50) dan pingat gangsa terakhir menerusi silat seni regu puteri gandingan Nur Aisyah Razani, Nur Alyaa Aqilah Mat Lazin dan Siti Nurhayati Jamaludin.

Kejohanan tahunan ini adalah anjuran bersama Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), UPSI dan Persatuan Silat Kebangsaan Malaysia (PESAKA) serta Persekutuan Silat Negeri Perak (PESAKA Perak) yang telah menyaksikan lebih dari 1500 pesilat-pesilat yang terdiri daripada Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta (IPTA/IPTS) di seluruh Malaysia serta pasukan berstatut negara antaranya pasukan elit Malaysia, Singapura, Vietnam, Indonesia, Brunei dan Thailand yang turut mengambil bahagian.

Pengarah Pusat Sukan Profesor Dr. Mohd Sofian Bin Omar Fauzee berkata, ini merupakan pencapaian yang membanggakan dan ucapan terima kasih kepada pesilat UUM di atas sumbangan pingat pada kejohanan kali ini.

Ianya juga merupakan sebagai pendedahan kepada mahasiswa betapa pentingnya seni mempertahankan diri.

Katanya lagi, saya berharap semoga pesilat-pesilat UUM akan terus mempamerkan kehebatan mereka dalam kejohanan-kejohanan yang akan datang bagi mengharumkan nama Universiti.

Habis.

=====
DARIPADA :
PUSAT SUKAN
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL : 04-9283560/3561
FAX : 04-9283552
EMAIL : pusur@uum.edu.my